



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



## BELANJAWAN 2026: TUMPUAN BERTERUSAN KEPADA TRANSFORMASI INDUSTRI, SEKTOR-SEKTOR STRATEGIK BAGI KELANGSUNGAN INDUSTRI, PKS DAN RAKYAT

---

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) **menyambut baik peruntukan sebanyak RM1.898 bilion** untuk MITI bagi tahun 2026, selaras dengan usaha Kerajaan MADANI untuk **menaikkan siling ekonomi** dengan, antara lainnya, memeta Malaysia sebagai destinasi pelaburan berdaya saing, menggalakkan pelaburan berkualiti dan meningkatkan eksport. Sehubungan itu, MITI amat menghargai **penyelarasan hala tuju melalui langkah-langkah merentas Kementerian**, khususnya dari segi **memperkasakan sektor-sektor bernilai tinggi dan pertumbuhan tinggi** – kesemua langkah ini bakal mengukuhkan keseluruhan ekosistem industri sasaran di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) dan dasar-dasar MITI yang lain. Ini juga akan memastikan **limpahan ekonomi dinikmati oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Rakyat** bagi **membina sebuah lanskap ekonomi manusiawi** (menaikkan rantai ekonomi) yang disasarkan oleh Kerangka Ekonomi MADANI, NIMP 2030 dan juga Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13).

### MEMUDAHKAN URUSAN PELABUR DI MALAYSIA

**Kerangka Insentif Baharu Berasaskan Keberhasilan** akan mengimbangi usaha negara untuk menarik aktiviti pertumbuhan tinggi dengan objektif **menjana pekerjaan bernilai tinggi dan merapatkan jurang ekonomi antara kawasan**, sejajar dengan objektif NIMP 2030. MITI akan memastikan ekosistem Agensi MITI, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bersedia untuk melaksanakan kerangka insentif sepenuhnya pada **awal Suku**

**Pertama 2026** bagi sektor perkilangan, diikuti sektor perkhidmatan pada awal Suku Kedua 2026.

MITI juga mengalu-alukan usaha memudahkan urusan pelabur (***Investor Pass***) yang diterajui MIDA dengan kemudahan **Visa Kemasukan Berbilang sehingga 12 bulan**; penerusan inisiatif ***Residence Pass - Talent Fast Track*** bagi penarikan bakat strategik secara pantas, dan **Status Entiti Perniagaan ASEAN (ABE)**. Kesemua langkah ini akan dilengkapi oleh Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC) yang setakat ini telah dibangunkan di Kuala Lumpur dan Johor oleh MIDA, juga untuk **memudahcara mobiliti bakat mahir dan menyokong pertumbuhan syarikat Malaysia di rantau ASEAN**.

Untuk rekod, dari segi memudahkan perjalanan pelabur, MITI dan Malaysia Productivity Corporation (MPC) juga akan terus menyokong program Reformasi Karenah Birokrasi melalui Jawatankuasa Daya Saing Negara yang setakat ini telah berjaya **melonjakkan** kedudukan Malaysia dalam ***World Competitiveness Ranking (WCR) 2025*** sebanyak 11 anak tangga di kedudukan ke-23.

#### **PENGUKUHAN AKSES PASARAN DAN SOKONGAN AKTIVITI EKSPORT**

Bagi tempoh Januari-Ogos 2025, jumlah eksport negara meningkat 3.8% kepada RM1.977 bilion, walaupun berdepan landskap perdagangan global yang amat mencabar. Semenjak Disember 2022 lagi, **MITI semakin mempergiatkan usaha mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia**. Justeru, MITI mengalu-alukan **peruntukan Geran Pembangunan Pasaran (MDG) MATRADE sebanyak RM60 juta (peningkatan 100% berbanding tahun 2025)** bagi membantu **PKS** mengeksport produk ke **pasaran baharu** seperti **Afrika, Amerika Latin, dan Asia Tengah**. Ia juga merangkumi sokongan kewangan bagi **empat aktiviti baharu**, termasuk kos logistik penghantaran produk Malaysia ke luar negara dan kos penyertaan aktiviti promosi di dalam premis komersil atau gedung perdagangan di luar negara. Peruntukan **RM500 juta kepada EXIM Bank** juga dialu-alukan bagi menyediakan **pinjaman mudah kepada syarikat yang terkesan akibat ketegangan tarif perdagangan global**. Langkah-langkah ini bakal **membina daya tahan sektor eksport negara**, terutamanya bagi kelangsungan pengeksport PKS.

MITI akan terus menggalakkan pemain industri dan pengeksport untuk memanfaatkan **18 perjanjian perdagangan bebas (FTA)** sedia ada termasuk *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* dan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*. Terkini, **pemuktamadan rundingan FTA di antara Malaysia dan Republik Korea (ROK)** dijangka akan diumumkan di sela-sela **Sidang Kemuncak Ketua Negara ASEAN-ROK dalam bulan Oktober 2025 ini**.

## **MEMACU TRANSFORMASI SEKTOR-SEKTOR STRATEGIK NEGARA**

**Semikonduktor**: Secara purata, tahun demi tahun, **eksport semikonduktor** mewakili lebih kurang **30% dari jumlah eksport Malaysia**. Bagi tempoh **Januari-Ogos 2025**, jumlah ini bernilai **RM287.3 bilion, meningkat 17.3%** tahun-ke-tahun). Justeru, MITI mengalu-alukan **pelaburan berjumlah RM550 juta** oleh Khazanah dan KWAP di dalam **ekosistem semikonduktor** bagi meningkatkan usaha sama antara firma tempatan dan syarikat multinasional, selaras dengan **usaha peningkatan kedudukan Malaysia di dalam rantaian nilai global** seperti yang digariskan oleh **NIMP2030** dan ***National Semiconductor Strategy (NSS)***.

MITI juga menghargai langkah-langkah **pengukuhan ekosistem industri semikonduktor** Malaysia seperti **peruntukan RM500 juta** kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk **menyokong aktiviti nilai tambah tinggi dan Penyelidikan & Pembangunan (R&D)** oleh syarikat tempatan, serta **program inkubator SemiconStart (oleh MTDC)** bagi membimbing syarikat pemula niaga mendapatkan akses pembiayaan global. Aktiviti **Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDCI)** yang bakal dipergiat dengan **peruntukan rentas kementerian sebanyak RM5.9 bilion** turut dialu-alukan. Kesemua langkah-langkah ini **bakal menyumbang kepada nilai RM1.0 trilion bagi eksport E&E menjelang 2030**, seperti yang disasarkan oleh RMK13.

Untuk rekod, setakat ini, pelbagai program telahpun dilaksanakan untuk menyokong transisi industri semikonduktor Malaysia ke rantaian bernilai lebih tinggi, termasuk **Program IC MyChipStart; Taman Reka Bentuk IC Semikonduktor Selangor; Reka Bentuk Silikon Pulau Pinang@5km+** di Pulau Pinang; serta **Taman Teknologi Tinggi Sama Jaya** di Sarawak.

**Aeroangkasa:** MITI bertekad untuk terus **memajukan sektor aeroangkasa yang berjaya meraih pendapatan sebanyak RM25.1 bilion pada tahun 2024**, serta mengalu-alukan pembangunan ***Air Space Sandbox*** di Perlis dan penempatan **MyAERO Training Centre** di dalam pembangunan Selangor Aero Park (SAP) seluas 600 ekar di Sepang.

**Automotif dan Mobiliti:** MITI menyambut baik langkah **geran padanan sehingga RM4,000** bagi menggalakkan pelupusan kenderaan berusia lebih 20 tahun dan **pembelian kenderaan nasional baharu**, serta **pengecualian penuh duti eksais dan cukai jalan ke atas pembelian kereta nasional baharu** oleh **pemilik teksi dan kereta sewa persendirian**. MITI berharap ini juga bakal merancakkan penggunaan EV yang telah mula dihasilkan oleh PROTON dan PERODUA, sekali gus menyumbang kepada Sasaran Sifar Bersih nasional, dan peningkatan mobiliti hijau selaras dengan **National Automotive Policy (NAP)** dan **National Energy Transition Roadmap (NETR)**.

**Industri Halal:** Melalui Belanjawan 2026, **Halal Development Corporation** akan menyediakan khidmat nasihat percuma melalui Pegawai Pembimbing Halal. MITI menyambut baik usaha ini, yang saling dilengkapi oleh **penyediaan pembiayaan PKS Halal sehingga RM100 juta** (oleh SME Bank) dan **jaminan Kerajaan bagi pembiayaan PKS Halal** (oleh SJPP) yang akan ditingkatkan sehingga RM2 bilion. MITI juga akan berusaha **menarik pelabur ke Taman Industri Halal Perak** yang akan dibangunkan di daerah Manjung dengan kos RM124 juta. Kesemua langkah ini bakal menyumbang kepada peningkatan sasaran **eksport Halal negara sebanyak RM80 bilion menjelang 2030**.

**NIMP 2030:** Secara keseluruhan, NIMP2030 terus diperkasakan melalui **Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF)**, dengan peruntukan **RM200 juta** untuk **membantu PKS dan syarikat pertengahan berkembang di dalam sektor-sektor bernilai tinggi**, serta peruntukan **RM180 juta** bagi **Dana Pembangunan Industri NIMP (NIDF)** untuk **membiayai program pembangunan industri berimpak tinggi**. Selain itu, MITI juga mengalu-alukan langkah peruntukan **RM105 juta** untuk VentureTECH **meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor berteknologi tinggi**.

## **PERALIHAN TENAGA DAN TEKNOLOGI HIJAU**

Sokongan kepada dasar-dasar MITI seperti **Green Investment Strategy (GIS)** dan **Circular Economy Policy Framework** juga jelas dilihat melalui **Elaun Cukai Pelaburan Aset Hijau (GITA)** sebanyak 100% kepada syarikat yang menggunakan produk teknologi hijau buatan tempatan yang diiktiraf MyHIAU Mark; **cukai karbon** bagi menyegerakan inisiatif penyahkarbonan sektor tertentu dan **penjanaan solar berskala besar** yang akan dilaksanakan dengan kapasiti hampir 2 gigawatt. Selain itu, **pelaburan bernilai RM16.5 bilion yang akan digerakkan oleh GLIC dan GLC** amat dialu-alukan, termasuk bagi **pembangunan ladang solar, serta perluasan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV)** yang tentu sekali akan menyumbang kepada **pembangunan sektor mobiliti hijau** di Malaysia. Bagi **tempoh 2024-Jun 2025**, sebanyak **RM25.4 bilion Pelaburan Hijau** telah **diluluskan** di bawah **GIS**, merangkumi **1,708 projek** yang bakal menyediakan **9,866 peluang pekerjaan**.

## **PEMBANGUNAN MODAL INSAN BAGI SEKTOR STRATEGIK DAN BERTEKNOLOGI TINGGI**

Untuk rekod dan konteks, menerusi pelaksanaan **NIMP2030**, **gaji median dalam sektor pembuatan telahpun meningkat daripada RM1,976 (tahun 2021) kepada RM2,490 pada tahun 2024**, peningkatan 23% selaras dengan usaha pembangunan sektor-sektor bernilai tinggi. **Penjanaan modal insan yang secukupnya dengan gaji berpatutan** bagi sektor-sektor strategik dan bernilai tinggi **perlu diteruskan** bagi mencapai matlamat ekonomi manusiawi dan bernilai tinggi.

**NSS** menyasarkan penjanaan **60,000 jurutera bertauliah** bagi memastikan kejayaan sektor semikonduktor Malaysia. Melalui Belanjawan 2026, keperluan ini diiktiraf melalui penawaran **tiga juta peluang latihan** oleh HRD Corp, terutamanya bagi **sektor teknologi tinggi**. Selain itu, MITI mengalu-alukan **peruntukan RM650 juta** bagi **peluang pendidikan dan latihan TVET** untuk memanfaatkan lebih **25 ribu pelatih dalam bidang-bidang sasaran NIMP2030**. Program **K-Youth** oleh Khazanah yang menyasarkan **latihan sambil bekerja kepada 11,000 belia tanpa ijazah** dalam **sektor strategik** juga amat dihargai. Seterusnya, MITI juga menyambut baik langkah bagi **Johor Talent Development Council (JTDC)** yang akan **menghubungkan IPT dengan industri** bagi menambah program **pembangunan bakat dan penempatan kerjaya bergaji premium**.

Dari sudut bakat, melalui ekosistem MITI, setakat ini **lebih 13,000 pekerja Malaysia berkemahiran tinggi telah dilatih dalam industri semikonduktor**, melalui beberapa usahasama termasuk yang diterajui oleh Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) dan Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp.

Menteri MITI, YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz berkata, “Peruntukan melalui Belanjawan 2026 ini **mencerminkan kepentingan peranan dan sumbangan MITI dan agensi-agensinya dari segi pelaburan, pembangunan industri dan perdagangan** untuk terus **memperkukuhkan daya saing dan daya tahan ekonomi Malaysia**, terutama sekali dengan pelbagai cabaran geoekonomi dan geopolitik dunia. **MITI sentiasa mengutamakan pelaksanaan**, termasuk **melaporkan tahap kemajuan dan keberhasilan projek** melalui **Kad Laporan MITI** yang dibentangkan setiap tiga bulan. **Langkah-langkah Belanjawan 2026** di bawah seliaan MITI akan dilaksanakan sebaik dan secepat mungkin, terutamanya bagi **meningkatkan kualiti hidup rakyat, dan membuka lebih banyak peluang kepada PKS**. MITI juga beriltizam untuk **memastikan** Malaysia terus berada di landasan yang kukuh untuk **mencapai sasaran dalam kelompok 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia menjelang 2033.**”

## KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

11 Oktober 2025

### TENTANG MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

 603-80008000  [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)  [webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**PEMACU POTENSI GLOBAL**